

Belum terima permohonan TOL

SABAK BERNAM – Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam masih belum menerima sebarang permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) meskipun Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengumumkan tiada sebarang pembekuan dikeluarkan.

Pegawainya, Samsudin Mon berkata, pihaknya tidak menerima sebarang permohonan TOL daripada mana-mana pemohon di daerah itu dan bersedia untuk mempertimbangkan perkara itu jika terdapat permohonan.

Menurutnya, pihaknya hanya bertindak sebagai perlaksanaan dan tidak bertanggungjawab untuk meluluskan sebarang permohonan TOL, sebaliknya ia merupakan bidang kuasa kerajaan negeri bagi proses kelulusan.

"Permohonan ini boleh dipertimbangkan mengikut kes dan kemudiannya permohonan itu akan diserahkan kepada peringkat kerajaan negeri untuk dipertimbangkan sebelum sebarang kelulusan dibuat," katanya kepada Sinar Harian.



Suee Lim menerangkan sesuatu kepada Samsudin (dua kanan) pada lawatan di beberapa masalah yang diutarakan penduduk di Sekinchan.

Ditanya adakah pihaknya akan menguar-uarkan tentang permohonan TOL kepada umum selepas berlaku salah faham sama ada TOL boleh dipertimbangkan atau dibekukan, Samsudin memberitahu orang awam boleh mendapatkan maklumat terbabit melalui media.

"Kita tak uar-uarkan perkara ini, mereka mungkin tahu melalui saluran media, cuma kalau terdapat permohonan kami akan proses dan hantar kepada kerajaan negeri untuk proses kelulusan," katanya.

Sinar Harian 28 April lalu melaporkan, rakyat di negeri ini khususnya di Dun Sekinchan masih boleh memohon Lesen TOL selepas Abdul Khalid Ibrahim mengumumkan tiada sebarang arahan pembekuan dikeluarkan berhubung permohonan terbabit.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, PDT Sabak Bernam yang sebelum ini membekukan sebarang permohonan baharu kepada penduduk mungkin salah faham dengan pendirian yang dibuat kerajaan negeri berhubung sta-

tus berkenaan.

Menurutnya, semasa sidang Dun lalu, Khalid menjelaskan kerajaan negeri tidak pernah membekukan sebarang permohonan malah bersedia memberikan hak pemilikan terhadap mereka yang menduduki tanah termasuk yang berstatus TOL.

"Bagaimanapun, harus dingatkan bahawa tanah rizab kerajaan, tepi sungai dan rizab jalan tidak akan dipertimbangkan, hanya tanah kerajaan negeri sahaja dibenarkan untuk TOL," katanya.